

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2015

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan pemberian BR1M memandangkan program ini mempunyai kesan jangka panjang yang buruk kepada negara dan telah mendapat reaksi negatif daripada bekas-bekas Menteri Kewangan dan mantan Perdana Menteri sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk

membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian. Ianya diberikan secara menyeluruh kepada semua pemohon yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

BR1M telah diperkenalkan pada tahun 2012 menggunakan peruntukan Perbelanjaan Mengurus di bawah Kementerian Kewangan. Sebanyak RM13.8 bilion telah disediakan kepada penerima BR1M bagi tempoh 2012-2015 .

Antara negara-negara yang memberikan bantuan tunai sama seperti BR1M adalah Australia melalui program *Low Income Supplement* dengan bantuan tahunan sebanyak AUD\$300 dan juga Britain melalui program *Income support* dengan bantuan mingguan sekitar GBP\$57 – GBP\$114.

Buat masa ini, Kementerian Kewangan akan meneruskan inisiatif BR1M pada masa depan memandangkan program ini telah dapat membantu meringankan beban perbelanjaan harian rakyat yang berpendapatan rendah.